

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YBHG. PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA PROGRAM DIALOG ANTARA AGAMA**

**5 OKTOBER 2017 (KHAMIS) | 2:00 PETANG  
DEWAN RESITAL, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Assalamualaikum WBT., Salam Sejahtera dan  
Salam Negaraku Sehati Sejiwa.

**SALUTASI (akan dimuktamadkan)**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi  
kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka  
dapatlah kita hadir dan menyertai Program  
Dialog Antara Agama, 2017”.

Pertama sekali, sebagai tuan rumah dan penganjur bersama Program Dialog Antara Agama 2017, izinkan saya untuk mengucapkan selamat datang kepada semua peserta yang hadir pada hari ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, negeri Sabah sering dirujuk sebagai negeri contoh atau model hubungan etnik di Malaysia. Masyarakatnya berbilang agama, bangsa dan budaya, saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain.

Di sini, kita dapat lihat bagaimana masyarakat yang berbilang agama tinggal dalam sebuah rumah sebagai satu keluarga. Justeru, pada hemat saya, pengalaman hidup sedemikian perlulah dikongsi agar manfaatnya dapat dinikmati bersama.

Program dialog seperti ini sememangnya amat baik dan perlu diteruskan dengan penglibatan semua lapisan masyarakat agar kehidupan yang aman, damai dan harmoni dapat diwujudkan.

Saya juga amat mengalu-alukan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan UMS dalam penganjuran Program Dialog Antara Agama 2017. Kerjasama ini menunjukkan bahawa UMS sebagai sebuah institusi ilmu turut mengambil berat tentang hal-hal berkaitan mewujudkan suasana yang aman, damai dan harmoni di negara ini. Perlu ditekankan di sini bahawa pembinaan sesebuah negara tidak akan berjaya tanpa masyarakat yang toleran dan bersatu padu.

**Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional atas penganjuran program ini bersama Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.